

**UCAPAN PERASMIAN OLEH
YANG BERUSAHA EN. AMIRUL BIN ARIPIN
PEMANGKU PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI
SARAWAK
PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR BERSAMA LEMBAGA
KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM SARAWAK
SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA
PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2019
PADA 28 MEI 2019 (SELASA)
DI BORNEO CONVENTION CENTRE KUCHING (BCCK), KUCHING**

BismillahirRahmannirRahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Ramadhan Al-Mubarak

1. Terima kasih Puan Pengacara Majlis,
2. Y. Berusaha En Marconi Madai
Vice President HSSE, Sarawak Energy Berhad
 - Y. Berusaha Tuan Haji Mohamad Salleh bin Haji Hamdin
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Kebajikan Anak-Anak Yatim Sarawak (PERYATIM)
 - Y. Berusaha Puan Rahmah Biak
Senior Assistant Controller
Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB)

- Pegawai-pegawai daripada JAS Sarawak, SEB & NREB
 - Anak-anak PERYATIM yang dikasihi
 - Para Media
 - Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,
3. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana di bulan Ramadhan yang mulia ini, dengan izin dan limpah kurniaNYA dapat kita berkumpul di Majlis Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2019 pada hari yang indah ini.
 4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Sarawak Energy Berhad di atas kesudian dan kerjasama di dalam penganjuran Majlis ini. "Selamat Datang" dan "Selamat Menyambut Ramadhan Al-Mubarak" kepada tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.
 5. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB) dan Lembaga Kebajikan Anak-Anak Yatim Sarawak (PERYATIM) di atas kesudian dan sokongan padu dalam menjayakan majlis ini.
 6. Terima kasih kepada Tuan-Tuan, Puan-Puan dan anak-anak sekalian yang sudi meluangkan masa hadir bersama memeriahkan majlis kita pada petang ini.

Tuan-tuan, Puan-puan dan anak-anak sekalian,

7. Hari Alam Sekitar Sedunia yang disambut pada 5 Jun setiap tahun diseluruh dunia bermula pada tahun 1972 dan telah berkembang menjadi sambutan utama seluruh dunia dengan pembabitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam meningkatkan tahap kesedaran masyarakat dunia terhadap isu alam sekitar serta mempertingkatkan tindakan dan penglibatan terhadap perubahan alam sekitar.
8. Masyarakat dunia mula bergabung tenaga untuk menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran untuk melindungi bumi dan alam sekitar melalui pelbagai program kesedaran dan aktiviti alam sekitar.
9. Setiap tahun Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia mempunyai temanya yang tersendiri. Pada tahun 2019 ini, Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia membawa tema "Air Pollution" atau "Pencemaran Udara".
10. United Nations Environmental Programme (UNEP) melaporkan kira-kira 7 juta kematian berlaku di seluruh dunia setiap tahun akibat daripada pencemaran udara dan 4 juta daripada kematian tersebut berlaku di Asia Pasifik.
11. Hari Alam Sekitar Sedunia 2019 menggesa semua pihak termasuk agensi kerajaan, industri, komuniti masyarakat dan individu untuk bersama-sama meneroka teknologi hijau dan tenaga yang boleh diperbaharui (renewable energy) dalam usaha meningkatkan kualiti udara khususnya di bandar-bandar besar seluruh dunia.

12. Negara China akan menjadi tuan rumah dunia sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2019. Negara ini telah menunjukkan kepimpinan yang luar biasa dalam menangani isu pencemaran udara di dalam negara dengan peningkatan inisiatif sektor tenaga hijau. Menguasai separuh kenderaan elektrik dan 99 peratus bas elektrik dunia, inovasi ini wajar menjadi dorongan seluruh dunia termasuk negara kita Malaysia dan Sarawak khususnya dalam usaha untuk bertindak mengawal pencemaran udara dan menyelamatkan berjuta-juta nyawa.
13. Di peringkat Jabatan Alam Sekitar, bagi kawalan pencemaran udara, selain penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, pelbagai usaha dan program turut dilaksanakan bagi memberi kesedaran kepada orang awam mengenai kepentingan penjagaan kualiti udara dan kesannya kepada kesihatan manusia malahan kepada seluruh makhluk di bumi ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

14. Saya juga ingin menarik perhatian kita semua tentang isu pembakaran terbuka yang dilihat banyak berlaku sehingga menjejaskan indeks kualiti udara. Untuk makluman semua, diramalkan bahawa pengaruh El Nino bakal melanda di negara kita pada tahun ini. Fenomena ini yang mana keadaan cuaca panas dan kering akan berlarutan sehingga Mei 2019.
15. Oleh itu, sama-samalah kita mencegah pembakaran terbuka bagi mengurangkan pelepasan asap ke udara, yang kita khawatiri bukan sahaja menjejaskan udara yang kita hirup malah akan merebak ke

kawasan yang lebih luas hingga memusnahkan khazanah alam di negeri Sarawak.

16. Saya juga ingin nyatakan di sini bahawa keadaan berasap daripada pembakaran terbuka yang boleh dilihat oleh pelancong-pelancong luar sebaik sahaja kapal terbang memasuki ruang udara kita adalah tidak baik untuk imej pelancongan negeri Sarawak.
17. Saya menyeru agar konsep *zero burning*, seperti yang diamalkan di ladang kelapa sawit, dapat dipraktikkan oleh semua petani dan peladang. Selain itu, pembuatan baja kompos wajar diamalkan di Sarawak sebagai alternatif kepada melakukan pembakaran terbuka. Perkara ini bukan sahaja akan meningkatkan imej negeri Sarawak tetapi boleh memastikan udara yang bersih, bebas dari asap dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

Tuan-tuan, Puan-puan dan anak-anak yang dikasihi sekalian,

18. Saya dimaklumkan, program hari ini turut diadakan pertandingan melukis dan mewarna untuk anak-anak di Kompleks Kebajikan Laila Taib dengan tema lukisan "Air Pollution". Kita berharap dengan program seumpama ini dapat menerapkan nilai-nilai penjagaan alam sekitar yang lebih mendalam dan berkesan kepada generasi muda bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungunya.
19. Di dalam program ini juga, Jabatan Alam Sekitar turut mempromosikan Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna dan Penyedut Minuman Plastik yang telah dilancarkan pada tahun 2018 sejajar dengan saranan dan inisiatif Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).

20. *The Journal of Science* 2015 melaporkan tentang hasil kajian ke atas 192 negara yang bersempadan dengan laut pada tahun 2010 mendapati 275 juta tan plastik dihasilkan. Dari jumlah ini sebanyak 99.5 tan sisa plastik mencemari pantai, 31.9 juta tan sisa plastik tidak diuruskan dengan baik dan dianggarkan 4.8 hingga 12.7 juta tan memasuki laut. Ini merupakan jumlah yang besar. Sekiranya keadaan ini tidak dikawal, pencemaran laut oleh plastik akan terus meningkat secara drastik dan menjejaskan ekosistem laut.
21. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini mengambil inisiatif untuk mempromosikan kempen ini dengan mewar-warkan kempen menerusi semua platform Media sosial Malaysia ke arah mencapai kelestarian alam sekitar. Usaha ini mungkin kecil tetapi akan memberi impak yang cukup besar kepada pewaris pempacu Negara pada masa akan datang kerana acuan hari ini penentu kepimpinan pada hari esok.

Tuan-tuan, Puan-puan dan anak-anak yang dikasihi sekalian,

22. Bagi mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini terutamanya kepada Sarawak Energy Berhad di atas kesudian untuk menjalankan kerjasama korporat bersama JAS. Juga penghargaan saya kepada Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Lembaga Kebajikan Anak-Anak Yatim Sarawak (PERYATIM) di atas sokongan padu dalam menjayakan majlis ini.
23. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru para hadirin sekalian agar kita sama-sama menjaga kualiti udara dan kesejahteraan alam sekitar ini. Ianya adalah satu Anugerah Tuhan

yang wajar kita hargai bersama. Kita perlu sama-sama bertindak dan bermuafakat bagi memastikan segala isu dan permasalahan alam sekitar dapat diatasi sepertimana slogan JAS iaitu **"Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama"**.

24. Sebagai khalifah di bumi ini, marilah kita bersama menjalankan tanggungjawab kita untuk memelihara alam sekitar. Justeru itu, kita perlu memikirkan langkah-langkah yang terbaik yang boleh dilakukan dalam menangani permasalahan alam sekitar agar kesihatan dan kualiti persekitaran kita akan menjadi lebih baik untuk penggunaan generasi kini dan generasi akan datang. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan ini saya merasmikan Program Kesedaran Alam Sekitar Bersama Lembaga Kebajikan Anak-Anak Yatim Sarawak sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2019.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.